

26 APR 2003

Megat-Economist

UMNO AKAN LANCAR KEMPEN PENERANGAN BERHUBUNG RENCANA KRITIK PM

KANGAR, 26 April (Bernama) -- Uumo akan melancarkan kempen penerangan bagi menjelaskan mengenai perjuangan, pengorbanan dan jasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan rencana mengelirukan yang disiarkan oleh majalah The Economist.

Ketua Penerangan Umno Tan Sri Megat Junid berkata kempen itu bertujuan menafikan dakwaan dalam rencana tulisan Christopher Lockwood yang menidakkan jasa Perdana Menteri sepanjang kerjayanya mentadbir negara.

Ini penting bagi memastikan rakyat tidak dikelirukan terutama menjelang pilihan raya umum akan datang, katanya kepada pemberita semasa ditemui selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kangar di sini hari ini.

Beliau berkata kandungan rencana dalam edisi 5 April majalah itu yang mengkritik keras kepimpinan Dr Mahathir, mempunyai niat jahat untuk melaga-agakan rakyat dan bakal menjadi modal pembangkang dalam kempen pilihan raya umum nanti.

"Saya berharap ahli-ahli Umno tidak terpengaruh dengan kandungan yang ditulis oleh penulis berkenaan kerana bukti jelas dilihat begitu banyak jasa Dr. Mahathir sepanjang kerjayanya hampir 30 tahun berada dalam kerajaan," kata Megat Junid.

Beliau berkata walaupun Perdana Menteri sendiri tidak meminta segala jasanya itu dikenang dan diingati, tetapi adalah menjadi hak rakyat mengakui segala jasa-jasa tersebut tanpa ada mana-mana pihak yang cuba menidakkannya.

Megat Junid bimbang kesan daripada rencana itu boleh menjadi satu beban berat kepada Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan Dr Mahathir.

Beliau tidak menolak kemungkinan penulis terbabit telah datang ke negara ini dan menemui pihak-pihak tertentu sebelum menghasilkan rencana itu.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan mesyuarat itu, Megat Junid meminta para wakil rakyat sentiasa mendampingi rakyat di kampung-kampung tanpa menunggu kegiatan tertentu.

Beliau juga berharap isteri kepada wakil-wakil rakyat turut memainkan peranan membantu suami mereka mendampingi rakyat dan bukan mengikut suami masuk kampung untuk menunjukkan kecantikan mereka yang akhirnya boleh menimbulkan kebencian rakyat.

-- BERNAMA

RIS AD RHM